

10/09/2003

## Anjakan paradigma dalam Bajet 2004

Mohd Salleh Yusof

BERDASARKAN kepada angka tunjuk ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mengembang melebihi empat peratus dalam tempoh suku pertama dan kedua tahun ini.

Ia adalah petunjuk positif untuk negara jika mengambil kira cabaran yang dihadapi dalam tempoh suku pertama lalu seperti wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS). Pakej rangsangan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini sudah membuahkan hasil dengan menstabilkan ekonomi negara.

Keadaan begini, tidak dapat disangkal bahawa cukai pendapatan adalah penyumbang terbesar bagi pembangunan Malaysia sejajar dengan pencapaian Wawasan 2020. Bagi membolehkan wawasan itu menjadi kenyataan, anjakan paradigma perlu dilakukan.

Sistem Taksiran Sendiri (STS) adalah satu anjakan paradigma yang membuahkan hasil dengan peningkatan mendadak jumlah cukai pendapatan yang dikutip Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

STS bagi syarikat dilancarkan mulai tahun taksiran 2001, manakala bagi individu, pemegang amanah dan koperasi akan dilaksanakan mulai tahun taksiran 2004.

Melalui STS, tanggungjawab untuk pengiraan dan pembayaran cukai pendapatan, secara langsung dipindahkan kepada pembayar cukai dan ia secara tidak langsung memaksa mereka agar lebih celik dan bertanggungjawab apabila melaporkan pendapatan mereka.

Pada dasarnya, tanggungjawab LHDN adalah sebagai penguat kuasa bagi memastikan pembayar cukai melaporkan pendapatan mereka dengan sempurna.

Mengambil kira kesulitan yang dihadapi sepanjang tempoh STS mulai 2001, beberapa lagi anjakan paradigma mahu dilihat dalam Bajet 2004.

Antaranya adalah kos terlepas pembayar cukai berhubung kredit cukai yang perlu dibayar balik oleh LHDN. Ini kerana kemungkinan besar, pembayar cukai membiayai jumlah itu melalui pinjaman dan seterusnya faedah perlu dibayar kepada peminjam.

Oleh kerana tempoh pembayaran balik kredit cukai selalunya tidak dapat dipastikan, pembayar cukai perlu dibolehkan untuk menuntut semula kos terlepas daripada LHDN. Beberapa negara maju sudah mengamalkan konsep ini.

Bagi merealisasikan STS, diharapkan LHDN dapat melaburkan serta meluangkan lebih banyak masa dengan mengadakan latihan yang lebih menyeluruh kepada pegawainya.

Ini amat penting ketika LHDN menjalankan audit meja dan audit luar, iaitu tunggak utama STS, kerana kemungkinan pembayar cukai menjalankan perniagaan berlainan serta mungkin menghadapi situasi yang khusus untuk perniagaan mereka.

Jika latihan yang diberikan tidak merangkumi pemahaman akaun, situasi ekonomi dan komersial yang mencukupi, pembayar cukai mungkin menghadapi kesukaran untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan LHDN.

Kelemahan ini dapat diatasi oleh pembayar cukai dengan mengamalkan budaya yang telus ketika melaporkan pendapatan mereka.

Pada masa sama, kita mahu melihat LHDN dapat mengamalkan pendekatan yang lebih mesra perniagaan ketika berinteraksi dengan pembayar cukai sesuai dengan cogan kata mereka, "mesra, membantu dan memuaskan".

Tidak dinafikan bahawa Bajet 2004 ini perlu diselaraskan dengan memberi rangsangan aktif untuk menarik pelabur asing ke Malaysia.

Dapat dilihat daripada keadaan semasa bahawa pakej insentif yang ditawarkan kurang berjaya untuk menarik pelabur baru. Kerajaan perlu merealisasikan satu pendekatan yang inovatif.

Sebagai contoh, mengadakan satu skim bantuan perniagaan kepada pelabur asing baru yang menawarkan perkhidmatan bantuan komprehensif seperti

pendaftaran syarikat, urusan pelesenan dengan badan kerajaan serta bantuan mendapatkan tenaga kerja.

Perkhidmatan yang sama juga perlu disediakan kepada pelabur yang sedia ada untuk menggalakkan mereka terus melabur di negara ini. Bagaimanapun, industri tempatan perlu terus dilindungi dan diberikan perhatian, terutamanya sektor penternakan, perikanan dan pertanian kerana peratusan makanan import yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Satu rangsangan aktif dari segi kewangan dan tenaga mahir perlu disalurkan dengan kerjasama Jabatan Pertanian, Haiwan dan Perikanan. Ini kerana kadar peratusan penyumbang makanan yang tinggi membabitkan pekebun, penternak dan nelayan kecil.

Kita beralih kepada K-Ekonomi, iaitu salah satu kunci utama bagi memastikan wawasan 2020 tercapai. Rangsangan kepada industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dapat diselaraskan dengan meningkatkan rebat cukai kepada individu yang membeli peralatan komputer daripada RM400 kepada RM800.

Seterusnya, rebat ini boleh dituntut setiap tiga tahun sekali dibandingkan dengan lima tahun sekali sejajar dengan kepesatan pembangunan sektor ICT.

Seterusnya, untuk memastikan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) terus berkembang di Malaysia, pelepasan pembelajaran individu perlu ditingkatkan daripada RM5,000 kepada RM10,000. Begitu juga bidang pembelajaran yang dibenarkan patut merangkumi bidang pengurusan, perhotelan dan pelancongan.

Ia secara tidak langsung dapat memberikan insentif kepada pekerja kolar biru untuk menaikkan taraf kehidupan mereka serta melahirkan lebih banyak golongan pekerja mahir.

Akhirnya, dalam mengejar arus pembangunan semasa, kita juga perlu memandang ke belakang iaitu sewaktu kegawatan ekonomi pada 1998.

Ia patut dijadikan iktibar bagi memastikan Bajet 2004 dapat memberikan rangsangan positif serta menyediakan struktur asas supaya situasi itu dapat dikekang dan tidak berulang lagi.

\* Mohd Salleh Yusof adalah Jururunding Kanan Perkhidmatan Cukai, PricewaterhouseCoopers Malaysia